

PM diminta luang masa dengar luahan rakyat

Georgetown: Datuk Seri Anwar Ibrahim diminta meluangkan masa bagi mendengar luahan rakyat berkait projek Pulau Pinang Selatan (PSI) ketika Perdana Menteri menghadiri Majlis Rumah Terbuka Malaysia MADANI di negeri ini pada Sabtu depan.

Pertemuan itu akan membolehkan golongan yang terkesan dengan projek berkenaan, terutama nelayan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyuarakan bantahan mereka secara terus kepada Perdana Menteri bagi mendapat penilaian terbaik.

Pengerusi GERAKAN Pulau Pinang, Oh Tong Keong, berkata ia juga secara tidak langsung memudahkan golongan berkenaan daripada terpaksa ke Pu-

trajaya semata-mata bagi menyatakan bantahan.

“Kami ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri atas kesediaannya mendengar pendapat nelayan mengenai PSI. Ia menunjukkan beliau mesra dengan rakyat negeri ini.

“Kita mohon beliau peruntukkan sedikit masa ketika hadir ke Pulau Pinang pada 6 Mei depan bagi bertemu dan mengadakan dialog pendek bersama nelayan serta NGO,” katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Berbanding Anwar, Tong Keong yang juga Timbalan Presiden GERAKAN menyifatkan Ketua Menteri, Chow Kon Yeow angkuh apabila mendakwa projek



PSI mendapat sokongan majoriti penduduk Pulau Pinang sejak ia dimulakan pada 2013.

Khamis lalu, portal berita melaporkan Kon Yeow berkata, projek yang sebelum ini dikenali sebagai Penang South Reclamation (PSR) turut dijadikan manifesto pilihan raya Pakatan Harapan (PH) dan majoriti rakyat negeri ini memu-

tuskan untuk menyokongnya.

Tong Keong berkata, kesediaan Perdana Menteri untuk mengadakan pertemuan pendek itu bakal memberi harapan besar buat golongan nelayan dan NGO berbanding beliau meluangkan masa seharian di majlis rumah terbuka Aidilfitri pada 6 Mei nanti.

“Saya percaya Perdana Menteri pasti bersimpati kepada rakyat Pulau Pinang dan akan ambil maklum berhubung permintaan ini. Malah, kita juga berharap projek PSI yang mendapat tentangan ramai dibatalkan selepas kerajaan pusat mendengar pendapat umum,” katanya lagi.

Terdahulu pada Rabu lalu, Kon Yeow mengumumkan laporan Penilaian Kesan Alam Se-

kitar (EIA) bagi projek PSI mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dengan 71 syarat perlu dipenuhi.

Menurut Ketua Menteri, beberapa proses perlu dilalui terlebih dahulu, selain menjelaskan kerja tambahan hanya akan dimula pada suku ketiga 2023.

Projek bernilai RM11 bilion itu membabitkan pembangunan tiga pulau buatan dengan keluasan 1,700 hektar di perairan Permatang Damar Laut dekat Bayan Lepas dan dibantah kominiti nelayan serta NGO alam sekitar kerana didakwa bakal merosakkan ekosistem marin di situ.